

Presiden Filipina bincang dengan PM menerusi telefon

UM 31 AUG 2002

MANILA 30 Ogos — Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo telah berbincang menerusi telefon dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad lewat petang ini, dengan kedua-duanya bersetuju terhadap beberapa isu penting termasuk dakwaan layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin Filipina di Malaysia.

“Presiden berbual dengan Dr. Mahathir petang ini,” kata jurucakap Presiden, Ignacio Bunye.

Menurutnya, kedua-dua pemimpin itu membincangkan mengenai maklum balas kerajaan berhubung beberapa perkara. “Mereka

bersetuju dengan beberapa isu penting.”

Bunye bagaimanapun enggan memberikan maklumat terperinci mengenai perkara itu sebaliknya menegaskan, Presiden Filipina akan membuat kenyataan rasmi berhubung perkara tersebut menerusi siaran radio dan televisyen pada Sabtu ini.

Katanya, Arroyo dan Dr. Mahathir mengadakan perbincangan menerusi telefon sejurus selepas Presiden Filipina itu kembali daripada lawatannya ke selatan negara itu.

Di selatan negara itu, Arroyo turut menemui pendatang tanpa izin Filipina

yang dihantar pulang dari Malaysia.

Beribu-ribu pendatang tanpa izin tiba di selatan Filipina beberapa hari lalu berikutan pelaksanaan undang-undang lebih tegas terhadap mereka bermula 1 Ogos lalu.

Mereka yang memasuki Malaysia tanpa dokumen sah boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM10,000, penjara mandatori enam bulan dan disebat enam kali.

Perbalahan Malaysia-Filipina mengenai dakwaan layanan buruk ke atas pendatang tanpa izin Filipina kini masuk hari ketiga dengan kedutaan Malaysia di

Manila terus menjadi medan protes rakyat negara itu.

Manila awal minggu ini memfailkan protes diplomatik dengan Kuala Lumpur berhubung layanan buruk itu.

Arroyo sebelum itu mengarahkan bekas Presiden, Fidel Ramos ke Kuala Lumpur bagi menyelesaikan isu berkenaan dengan Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, Ramos berkata, kerajaan harus mempunyai satu pendirian mengenai masalah pendatang sebelum perbincangan boleh diadakan. — AFP